

MASALAH KOMUNIKASI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DARI ASPEK BAHASA

MOHAMAD SAFUAN BIN MOHD NAZAM

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Sains Pembinaan.

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

ABSTRAK

Sektor pembinaan sedang mengalami pembangunan yang pesat di negara ini. Pembangunan di dalam sektor pembinaan telah meningkatkan permintaan yang tinggi terhadap sumber tenaga manusia terutamanya buruh pembinaan. Hal ini telah menyebabkan kebanjiran buruh asing di negara ini. Pada masa yang sama, industri pembinaan adalah sejenis industri yang amat memerlukan tahap komunikasi yang tinggi di antara semua pihak yang terlibat dalam sesebuah projek. Kemasukan buruh asing yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan bahasa sedikit sebanyak mempengaruhi proses komunikasi yang berlaku di tapak. Ia secara langsung berkait dengan penggunaan bahasa ketika berkomunikasi di tapak bina. Dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan, majikan perlu mengenalpasti kewujudan masalah komunikasi disebabkan oleh kewujudan perbezaan bahasa di tapak bina. Seterusnya, ini akan membawa kepada perancangan yang teliti terhadap penyediaan strategi pengurusan komunikasi di tapak bina. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kewujudan masalah komunikasi disebabkan oleh bahasa pertuturan buruh asing dalam industri pembinaan dan mengenalpasti pendekatan yang diamalkan oleh majikan dalam penyediaan perancangan strategi komunikasi dari aspek bahasa. Responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah 30 orang penyelia tapak bina di sekitar Johor Bahru. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik. Daripada kajian tersebut, adalah didapati bahawa wujud masalah komunikasi disebabkan oleh bahasa pertuturan buruh asing di tapak bina dan pendekatan yang diamalkan oleh majikan dalam penyediaan strategi komunikasi adalah pada tahap yang sederhana.

ABSTRACT

Construction sector in this country is experiencing rapid development. Development in construction sector increased the demand for manpower resources mainly construction labours. This has resulted on the flooding of foreign labours in this country. At the same time, construction industry is an industry that really need a high and effective communication level among all parties who areinvolved in a project. The entrance of foreign labours who consist of various cultural background and language has influenced the communication process which occurred on site. It is directly related to the language used during communication on site. In creating an effective communication, the employers have to identify the existence of communication problems due to existence of different language on site. This could lead to the planning of communication management strategy on site. As such, this study's aim is to identify the existence of communication problem due to foreign labour spoken language in construction industry, and to indentify the approaches practiced by employers in the preparation of communication strategy planning from the language aspect. Respondents who were involved in this study were 30 site supervisors around Johor Bahru. This study conducted using questionnaire format as a form of data collection medium. From the study, it is found that there is the existence of communication problems due to foreign labour spoken language on construction site and the approach that practiced by employer in preparing the communication strategy planning is at medium level.